

1. Semangat kejiranan dapat disuburkan seandainya jiran _____ antara satu dengan yang lain.

- ☐ A jemput-menjemput
- ☐ B balas-membalas
- ☐ C tawar-menawar
- ☐ D tegur-menegur

2. Penduduk di kawasan perumahan itu diberikan ubat untuk membunuh _____ bagi mencegah pembiakan nyamuk Aedes.

- ☐ A anal-anal
- ☐ B kelip-kelip
- ☐ C jentik-jentik
- ☐ D kunang-kunang

3. Jurulatih itu mengingatkan _____ supaya mengikuti jadual latihan yang ditetapkan dan menjaga pemakanan.

- ☐ A pelawat-pelawat
- ☐ B pekerja-pekerja
- ☐ C pemain-pemain
- ☐ D pelatih-pelatih

4. Jalan ke perkampungan orang asli yang bengkok-bengkok seperti ular kena palu itu menyebabkan Halimah _____ sepanjang perjalanan ke sana.

- ☐ A baik-baik
- ☐ B lambat-lambat
- ☐ C senyap-senyap
- ☐ D muntah-muntah

5. Amani tidak dapat tidur semalaman kerana asyik terdengar bunyi _____ buah durian yang gugur di belakang rumahnya.

- ☐ A letuk-letak
- ☐ B lesuk-lesak
- ☐ C lepak-lepak
- ☐ D letung-letang

6. "Janganlah kamu berfikir _____ kerana punca sebenar kejadian itu belum dipastikan lagi," kata Devan kepada Ghani.

- ☐ A baik-baik
- ☐ B betul-betul
- ☐ C bulat-bulat
- ☐ D bukan-bukan

7. Cikgu Marlia tidak _____ untuk menyerahkan nama murid yang sering berbuat bising di dalam kelas kepada guru disiplin.

- ☐ A terkial-kial
- ☐ B terfikir-fikir
- ☐ C terikut-ikut
- ☐ D teragak-agak

8. Pelbagai program telah diatur oleh persatuan penduduk di taman itu untuk menggalakan _____ setiap penduduk _____ antara satu dengan yang lain.

- ☐ A tingkah-meningkah
- ☐ B perlu-memerlukan
- ☐ C balas-membalas
- ☐ D kenal-mengenal

9. Tubuh Lukman merah-merah akibat digigit _____ selepas baring di atas tilam itu.

- ☐ A jejentik
- ☐ B kekura
- ☐ C pepijat
- ☐ D tetikus

10. Datuk Razali dan Datin Hamidah sibuk melayan para _____ yang datang ke majlis perkahwinan anak bongsu mereka.

- ☐ A jejemput
- ☐ B tetamu
- ☐ C tetupai
- ☐ D jejak

11. Penduduk kampung itu berasa kesal kerana aduan mereka ditolak _____ oleh pihak pengurusan syarikat berkenaan.

- ☐ A sia-sia
- ☐ B cepat-cepat
- ☐ C lambat-lambat
- ☐ D mentah-mentah

12. Puan Julia memegang tangan anaknya _____ sebelum melintas jalan raya yang sesak itu.

- ☐ A erat-erat
- ☐ B ketat-ketat
- ☐ C rapat-rapat
- ☐ D padat-padat

13. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Suatu masa dahulu, Melaka merupakan pusat pembekalan _____ yang terpenting di Asia Tenggara.

- ☐ A kuih-muih
- ☐ B beras-petas
- ☐ C sayur-mayur
- ☐ D rempah-ratus

14. Beberapa orang murid yang ponteng sekolah berlari _____ apabila dikejar oleh pihak polis.

- ☐ A lintang-pukang
- ☐ B desas-desus
- ☐ C kelam-kabut
- ☐ D bolak-balik

15. Kempen pendermaan organ secara _____ ini membabitkan siaran iklan televisyen selama 30 saat dalam bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, dan Tamil.

- ☐ A mati-matian
- ☐ B kecil-kecilan
- ☐ C habis-habisan
- ☐ D besar-besaran

16. Kami duduk di atas _____ di halaman rumah sementara menanti Pak Akob datang.

- ☐ A bebuli
- ☐ B bebalai
- ☐ C bebenang
- ☐ D bebawang

17. Adam mengekori Sudin dan Muthu secara _____ tanpa disedari mereka.

- ☐ A erat-erat
- ☐ B diam-diam
- ☐ C ketat-ketat
- ☐ D cepat-cepat

18. Kamil tidak mempercayai perkara yang _____ itu kerana tidak mendatangkan faedah kepadanya.

- ☐ A haru-biru
- ☐ B lekak-lekuk
- ☐ C karut-marut
- ☐ D porak-peranda

19. Setelah bermain bola jaring, mereka minum sambil _____ tentang perlawanan peringkat negeri yang akan diadakan tidak lama lagi.

- ☐ A berfikir-fikir
- ☐ B berbual-bual
- ☐ C berangan-angan
- ☐ D bernyanyi-nyanyi

20. "Rumah di kawasan perumahan elit itu _____ dan cantik semuanya. Persekitaran di kawasan itu juga sungguh bersih," kata Prakash.

- ☐ A tebal-tebal
- ☐ B lebar-lebar
- ☐ C besar-besar
- ☐ D kukuh-kukuh